



PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM (PDTSB)
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
UNIT PENTADBIRAN & PERKHIDMATAN

MEMO ANTARA BAHAGIAN

PERKARA	ARAHAN MENGGUNAKAN SISTEM KEHADIRAN BIOMETRIK	
DARIPADA	TUAN PEGAWAI DAERAH	SALINAN : KPPD (KP) KPPD (P) FAIL TIMBUL
KEPADA	SEMUA PEGAWAI DAN KAKITANGAN PDTSB	
RUJUKAN	PDSB/KP/01/0001 JLD.12 (17)	TARIKH: 31 DISEMBER 2019

Tuan / Puan;

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut seperti di atas.

2. Sepertimana sedia maklum, perkhidmatan awam telah mula menggunakan Sistem Kad Perakam Waktu semenjak tahun 1981. Selaras dengan perkembangan teknologi, Sistem Kehadiran Biometrik telah diperkenalkan dengan tahap ketepatan yang tinggi kerana setiap individu mempunyai cap jari berbeza serta menawarkan alternatif yang lebih baik bagi merakam kehadiran dan pergerakan pegawai.

3. Sehubungan dengan itu, sebagai salah satu usaha ke arah menerapkan budaya kerja cemerlang dan mempunyai tahap integriti dan disiplin yang tinggi, **semua pegawai dan kakitangan PDTSB diwajibkan menggunakan sepenuhnya Sistem Kehadiran Biometrik berkuatkuasa pada 01 Januari 2020 (Rabu).**


4. Semua Ketua Bahagian / Unit **bertanggungjawab** untuk menyelia kakitangan di bawah seliaan masing-masing dan dikehendaki membuat laporan sekiranya terdapat pelanggaran tatakelakuan berkaitan kehadiran semasa pelaksanaan Sistem Kehadiran Biometrik.

5. Kerjasama dan perhatian pihak tuan / puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(NASIR BIN MAMAT, S.J.S, K.M.W, A.M.N)

Pegawai Daerah Sabak Bernam

☎: 03-32241963

☎: 03-32242113

✉: nasir.mamat@selangor.gov.my